

Pembantu kesihatan, jururawat di UMS-KAL

UM 26.09.2012 26

LABUAN 25 Sept. - Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan bersedia menempatkan seorang pembantu kesihatan dan jururawat bagi memastikan tahap perkhidmatan kesihatan mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) lebih terjamin.

Pengaruhnya, Dr. Zaini Hussin berkata, pihaknya akan mendapatkan pandangan Kementerian Kesihatan dan mengadakan perbincangan dengan pegawai kanan Jabatan Kesihatan Labuan sebelum hasrat murni itu dapat direalisasikan.

Katanya, penempatan kakitangan Kementerian Kesihatan di kampus tersebut perlu dibincangkan terlebih dahulu kerana ia melibatkan polisi kementerian.

Menurutnya, cadangan menempatkan seorang pembantu kesihatan dan jururawat di universiti itu adalah



ISMAIL Ali (empat dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Dr. Zaini Hussin (empat dari kanan) pada kunjungan hormat UMS-KAL ke Hospital Labuan, baru-baru ini.

selepas waktu pejabat antara pukul 6 petang sehingga 10 malam bagi memberi perkhidmatan kepada kira-kira 2,000 mahasiswa dan 300 kakitangan serta pensyarah UMS-KAL.

"Pihak kami bersedia membincangkan cadangan pihak pengurusan UMS-KAL itu bagi membantu merawat warga kampus terutama mahasiswa selepas waktu pejabat,"

katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika menerima kunjungan hormat Pengarah UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan rombongan ke Hospital Labuan.

Hadir sama, Pegawai Perubatan, Dr. Adam Firdaus Dahlan; Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran UMS-KAL, Musnin Mattersah dan Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMS-KAL, Norhanizah Adnan.

Mengulas lanjut, Zaini berkata, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan juga mencadangkan sebuah klinik bergerak sebagai cadangan tambahan sekiranya kaki-tangan tersebut tidak dapat ditempatkan di kampus berkenaan.

Jelasnya, cadangan sebuah klinik bergerak merupakan alternatif terbaik jabatan itu bagi memastikan kebijakan warga kampus dapat dijaga.

Sementara itu, Ismail berkata, penempatan kakitangan yang bertauilah daripada Jabatan Kesihatan akan dapat membantu meringankan beban mahasiswa yang ditimpakan penyakit.